

6



PROJEK BERIMPAK TINGGI

6

CADANGAN PROJEK BERIMPAK TINGGI

Selain projek-projek berimpak tinggi (*heartbeat and pulse projects*) untuk pembangunan MVV yang telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri Sembilan, terdapat 8 projek berimpak tinggi yang dicadangkan di dalam RSNS 2045 ini iaitu:

6.1 KENABOI WORLD BIODIVERSITY CENTRE DI TAMAN ALAM LIAR NEGERI, HUTAN SIMPAN KENABOI

Projek Kenaboi World Biodiversity Centre ini dicadangkan bagi mempromosikan pelancongan yang berkonsepkan mesra alam dan mampan. Projek ini dicadangkan di kawasan Taman Alam Liar Negeri, Hutan Simpan Kenaboi, Daerah Jelebu. Projek ini mampu menjadi tarikan pelancongan terbaru di Negeri Sembilan. Cadangan ini merupakan projek pertama yang mengintegrasikan pelancongan eko yang komprehensif iaitu merangkumi Zoo Negeri, Kawasan Perlindungan Hidupan Liar, Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar, Pusat Konservasi Tumbuhan, Pusat Rawatan dan Kesihatan Haiwan Liar dan Haiwan Peliharaan, dan Pusat Penyelidikan Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa.

i. Taman Negeri (Zoo)

Cadangan pembangunan taman negeri ini adalah bagi menjadi sumber tarikan baru di Negeri Sembilan. Kawasan Hutan Simpanan Kenaboi merupakan kawasan hutan yang masih terpelihara tanpa sebarang pembangunan yang agresif. Oleh yang demikian, kawasan hutan ini dikenalpasti sebagai lokasi pembangunan Taman Negeri. Pembangunan yang dicadangkan memberikan kesan impak pembangunan yang minimum. Pelaksanaan pembangunan ini adalah secara mesra alam dan tanpa menganggu kesejahteraan ekosistem sedia ada. Selain itu juga, “*carrying capacity*” juga akan diterapkan bagi memastikan kelestarian hutan sedia ada.

ii. Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar

Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar ini penting bagi menyokong pembangunan Kawasan Perlindungan Hidupan Liar. Pusat kajian dan penyelidikan ini membantu dalam mencari kaedah terbaik dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan hidupan liar. Ini termasuklah dalam menjalankan uji kaji bagi memformulasikan ubat-ubatan yang lebih baik dan berkesan untuk haiwan serta baka tumbuhan hutan dan sekaligus membantu memastikan kelangsungan ekosistem hutan. Selain itu, pusat kajian ini mampu membawa Negeri Sembilan berada seiring dengan bandar-bandar besar seperti Toronto dan Leiden yang mempunyai pusat penyelidikan khas dan bertaraf antarabangsa. Pembangunan pusat kajian dan penyelidikan di dalam kawasan hutan simpan menjadikannya sangat unik dan berbeza pendekatannya berbanding pusat penyelidikan sedia ada kerana kebanyakannya berada di kawasan bandar dan bangunan konkrit. Pembangunan ini dilihat lebih mesra alam dan menarik.

iii. Pusat Konservasi Tumbuhan

Dari segi kekayaan sumber biodiversiti, Malaysia berada di kedudukan ke-12 di dunia (sumber: *United Nation*, 2015). Namun, usaha konservasi dan kesedaran masih rendah di kalangan masyarakat di mana banyak tumbuh-tumbuhan unik dan istimewa menghadapi masalah kepupusan dan kemusnahan dalam arus pembangunan sejagat hari ini.

Pusat Konservasi Tumbuhan ini dilihat sebagai satu usaha pembangunan yang dapat mengukuhkan pembangunan taman negeri ini. Ia merupakan pembangunan pertama seumpamanya diwujudkan di mana kebanyakan pusat perlindungan memberi tumpuan yang lebih kepada haiwan liar berbanding tumbuhan. Selain itu, pameran juga dapat diadakan dalam kawasan pusat konservasi tumbuhan ini sebagai satu usaha untuk memberi pendidikan dan kesedaran mengenai tumbuh-tumbuhan unik (seperti rafflesia) yang terdapat di Malaysia. Pusat ini boleh dijadikan contoh dalam memastikan kehijauan dan kepelbagaian tumbuhan di Malaysia terus terpelihara.

iv. Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa

Pusat Biodiversiti ini akan dibangunkan sebagai ikon pembangunan utama di Negeri Sembilan dan dapat memberi pendidikan / kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti.

6.2 NEGERI SEMBILAN CULTURAL CENTRE

Projek Negeri Sembilan *Cultural Centre* ini meliputi Wilayah Agropolis yang terletak di bahagian timur Negeri Sembilan dengan tema utama pelancongannya adalah warisan dan keindahan alam semula jadi. Projek ini menggalakkan usaha-usaha mempromosikankekayaan produk warisan dan keindahan alam semula jadi yang terdapat di Negeri Sembilan di mana golongan sasaran adalah penduduk dari Lembah Klang dan kawasan sekitarnya. *Cultural Centre* ini menekankan kepada pelancongan bermaklumat, ketenangan, *privacy* dan budaya kekeluargaan. Dua strategi utama dibentuk iaitu:

i. Pelancongan Warisan dan Budaya

Keunikan seni bina di Negeri Sembilan dengan pengaruh Minangkabau merupakan produk pelancongan yang boleh dibangunkan melalui kaedah pemasaran yang lebih efektif selain meningkatkan usaha-usaha pemuliharaan. Terdapat pelbagai produk warisan terutama di Daerah Kuala Pilah yang sesuai dibangunkan secara menyeluruh (pakej).

Pembangunan *homestay* bukan sahaja berupaya mengetengahkan budaya Minangkabau, malahan secara tidak langsung meningkatkan sumber pendapatan penduduk tempatan. Selain itu, pembinaan *Negeri Sembilan Cultural Centre* mampu memperkuatkan peranan Kuala Pilah sebagai pusat pelancongan warisan di Negeri Sembilan.

Komponen pembangunan ini termasuklah pembinaan replika monumen bangunan bersejarah di sekitar Negeri Sembilan. Selain itu, *cultural centre* ini juga dilihat akan berperanan sebagai Pusat Pameran dan Pentadbiran Kebudayaan Negeri yang dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan pameran yang berteknologi tinggi bagi menarik kehadiran pelancong. *Live theatre* ini disediakan sebagai pentas bagi persembahan kebudayaan negeri termasuklah tarian, teater, alatan muzik dan karnival kesenian dan kebudayaan negeri. Perkampungan warisan disediakan untuk memberi peluang kepada pengunjung merasai dan mendalami kekayaan warisan dan kebudayaan rakyat dan perkampungan di Negeri Sembilan. *Heritage trail* turut dicadangkan sebagai daya tarikan ke pusat ini yang akan melibatkan lawatan ke beberapa kawasan warisan yang dikenalpasti dengan menaiki tram yang disediakan khas oleh pihak *cultural centre*.

Selain itu, pelbagai aktiviti bertemakan warisan dan kebudayaan seperti pesta makanan warisan dan lain-lain akan dianjurkan di sini. Penyediaan lampu yang menarik dan berwarna-warni mampu memberikan suasana kemeriahinan di kawasan *cultural centre*. Pembangunan *cultural centre* ini dijangka memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk setempat seperti restoran dan kedai cenderamata.

Negara jiran Malaysia iaitu Thailand menjadikan pelancongan sebagai suatu industri yang besar di mana ia menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kelebihan dan keunikan warisan dan budaya dipromosikan dengan bijak sebagai salah satu tarikan pelancongan. Festival yang diadakan seperti Festival Songkran dan Festival Tanglung Yi Peng, bangunan sejarah yang dipulihara seperti Angkor Watt dan aktiviti tradisional yang masih dipelihara seperti pasar terapung Pattaya telah menarik minat pelancong dari seluruh pelusuk dunia untuk melancong ke Thailand. Pendekatan yang digunakan oleh Thailand juga boleh diaplikasikan untuk pelancongan di Negeri Sembilan kerana kekayaan warisan dan budaya di negeri ini sekiranya tidak ditonjolkan akan dilupakan dan tenggelam dalam arus pemodenan.



Yi Peng Lantern Festival



Songkran Festival



Angkor Watt



Pasar Terapung Pattaya

ii. *Penjenamaan Semula dan Pengukuhan Karektor Pelancongan Warisan di Kuala Pilah dan Bandar DiRaja Seri Menanti*

Pelancongan warisan dan budaya adalah lebih menonjol di Daerah Kuala Pilah. Terdapat 89 produk warisan di Daerah Kuala Pilah dan jumlah ini adalah tertinggi berbanding daerah-daerah lain. Produk-produk warisan ini berpotensi untuk dipakejkan menjadi produk pelancongan dengan memperkenalkan ‘Heritage Tour’ atau ‘Program Jejak Warisan’ di Kuala Pilah. Fungsi Seri Menanti sebagai Bandar DiRaja kepada Negeri Sembilan akan diperkuuhkan dengan menaiktaraf Muzium DiRaja Seri Menanti, Perkampungan Budaya Terachi dan Galeri Bondang.

Komponen pelancongan yang bercirikan warisan dan budaya seperti pusat penjualan produk industri desa, pasar kraf tangan, muzium terbuka, program festival budaya, mercu tanda berimejkan DiRaja akan memperkuuhkan lagi karektor Bandar Diraja Seri Menanti.



Produk pelancongan eko di Bukit Lawang, Sumatra Utara

Konsep Negeri Sembilan Cultural Village



- 1 PERKAMPUNGAN WARISAN**
- » RUMAH PENGINAPAN WARISAN (11 JENIS RUMAH)
 - RUMAH MINANGKABAU, NEGERI SEMBILAN
 - RUMAH TIANG I2, KELANTAN
 - RUMAH MELAYU, MELAKA
 - RUMAH TRADISIONAL PANTAI TIMUR
 - RUMAH SERAMBI, PAHANG
 - RUMAH BUMBUNG PANJANG, PERLIS
 - RUMAH LIMAS BUNGKUS
 - » TAMAN REPLIKA BANGUNAN WARISAN
 - MASJID JAMEK, SEREMBAN
 - WISMA NEGERI, SEREMBAN
 - RUMAH DAERAH KUALA PILAH
 - RUMAH DAERAH REMBAU
 - RUMAH DAERAH SEREMBAN




2 PUSAT PENTADBIRAN NSCC

- » KAUNTER TIKET TRAM MIN DAN PENGINAPAN
- » BILIK AUDIO VISUAL
- » PUSAT INFORMASI NS CULTURAL CENTRE
- » KOMPLEKS CENDERAHATI

PROGRAM

- JEJAK WARISAN NEGERI SEMBILAN MENAKI MINI TRAM
- PERTunjukan AUDIO VISUAL MENGENAI SEJARAH NEGERI SEMBILAN YANG MERANGKUM TEMPAT BERSEJARAH SERTA TOKOH-TOKOH WARISAN



3 MINANGKABAU STREET

- » PUSAT JUALAN KRAFTANGAN
- » PUSAT PEMBUATAN KRAFTANGAN
- » PUSAT JUALAN MAKANAN TRADISIONAL
- » PUSAT PEMBUATAN MAKANAN TRADISIONAL

PROGRAM

- JUALAN MAKANAN TRADISIONAL
- JUALAN KRAFTANGAN
- DEMONSTRASI CARA PEMBUATAN MAKANAN TRADISIONAL
- DEMONSTRASI CARA PEMBUATAN KRAFTANGAN TRADISIONAL



4 PUSAT KEBUDAYAAN

- » NS CULTURAL CENTRE SQUARE
- » PUSAT PERMAINAN TRADISIONAL
- » MUZIUM KEBUDAYAAN

PROGRAM

- EKSPLO KEBUDAYAAN NEGERI SEMBILAN
- PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN (NYANYIAN, MUZIK, TEATER)
- PERTANDINGAN PERMAINAN TRADISIONAL
- PAKAIAN BERAGAM TRADISIONAL



6.3 NEGERI SEMBILAN FOOD VALLEY

Cadangan Pembangunan Negeri Sembilan *Food Valley* ini melibatkan kawasan pembangunan sedia ada di Gemas dan Jempol. Pembangunan Negeri Sembilan *Food Valley* di Gemas adalah dicadangkan untuk menjadi *Beef Valley* dan pusat industri tenusu negeri. Hasil pengeluaran bersumberkan hasil ternakan dan tenusu ini bakal menjadi bekalan makanan untuk Lembah Klang. Pembangunan *food valley* di Gemas ini juga melibatkan kawasan pertanian dan ladang buah-buahan dan sayuran. Selain itu, cadangan pembangunan ini berada dalam kawasan Pembangunan Agropolis yang dicadangkan dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 ini.

Jempol juga telah dikenalpasti sebagai salah satu kawasan yang akan terlibat dalam pembangunan Negeri Sembilan *Food Valley*. Aktiviti di Jempol ini akan melibatkan perternakan akuakultur dan ikan air tawar. Selain itu, pembangunan di Jempol juga akan melibatkan kawasan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang akan ditentukan mengikut kesesuaian. Cadangan ini bukan hanya tertumpu kepada sektor penternakan tetapi juga mengintegrasikan sektor pertanian. Penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan tumbuhan herba menjadi fokus utama dalam memberi nilai tambah kepada pembangunan Negeri Sembilan *Food Valley*.

Hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai dapur bagi kawasan Lembah Klang juga akan mampu dicapai dengan adanya pembangunan ini. Negeri Sembilan *Food Valley* bukan sahaja memberi kesan positif kepada ekonomi negeri tetapi juga memberi limpahan pembangunan kepada kawasan setempat dengan wujudnya peluang pekerjaan dan peluang penjanaan ekonomi penduduk.

Konsep Gemas Food Valley



2 TAMAN SATUR-SATURAN

- » TANAMAN SATURAN (RUMAH PLASTIK)
 - TANAMAN HIDROPONIK
 - TANAMAN ATAS TANAH
- » PUSAT PEMBELAJARAN TANAMAN SATUR-SATURAN
- » KAWASAN PENGINAPAN UNTUK PENYELIDIK DAN PELANCONG
- » GERAI-GERAI JUALAN MAKANAN VEGETARIAN DAN HERBA
- » TAMAN HERBA
- » WAKAF CENDERAHATI

PROGRAM

- PUSAT PEMBELAJARAN BAGI SEMUA GOLONGAN
- MENYEDIAKAN PELBAGAI GAMESHOW
- MENGADAKAN PROGRAM FOOD FAIR SETIAP TAHUN UNTUK TARIKAN PENGUNJUNG
- MENYEDIAKAN TEMPAT SEMINAR DAN PENYELIDIKAN KEPADA ORANG TEMPATAN DAN LUAR NEGARA



1 KEMUDAHAN

PUSAT INFORMASI

- INFO KAWASAN
- INFO SEWAAN DAN JENIS KENDERAAN
- » TEMPAT LETAK KERETA, BAS DAN MOTORSIKAL
 - MENYEDIAKAN GAS TEMPAT LETAK KENDERAAN PERCUMA
 - MEMBERI CENDERAHATI KEPADA PENGUNJUNG
 - MEMBERI INFORMASI KAWASAN MELALUI PETA
 - MENYEDIAKAN CAJ TIKET SEWAAN KENDERAAN MAMPU MILIK



3 TAMAN BUAH-BUAHAN

- » TANAMAN BUAH-BUAHAN
 - BUAH-BUAHAN TEMPATAN
 - BUAH-BUAHAN ANTARABANGSA
- » PUSAT PEMBELAJARAN TANAMAN BUAH-BUAHAN
- » DATARAN MINI
- » GERAI-GERAI JUALAN JUS BUAH-BUAHAN
- » TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK (KONSEP BUAH-BUAHAN)
- » WAKAF MAKAN BUAH-BUAHAN

PROGRAM

- PUSAT INFORMASI BUAH-BUAHAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA BAGI SEMUA GOLONGAN
- MENYEDIAKAN PELBAGAI AKTIVITI SEMASA MUSIM BUAH
- MENGADAKAN PROGRAM FOOD FAIR SETIAP TAHUN UNTUK TARIKAN PENGUNJUNG
- PROGRAM MEMETIK BUAH-BUAHAN DAN MEMBUAT JUS



4 PUSAT KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

- » PUSAT KAJIAN DAN PENYELIDIKAN SATUR-SAYURAN
 - PUSAT PENYELIDIKAN
 - MAKMAL
 - PUSAT INFORMASI

PROGRAM

- MENYEDIAKAN INFORMASI TERKINI MELALUI KAJIAN DAN PENYELIDIKAN UNTUK ORANG RAMAI
- MEMBERI SAMPEL HASIL PRODUK YANG TERBAIK



5 PUSAT INDUSTRI TENUSU

- » LADANG TERNAKAN LEMBU, KAMBING BIRI-BIRI DAN KAMBING
- » PUSAT PEMBELAJARAN PENTERNAKAN
- » PUSAT PEMPROSESAN TENUSU
- » KANDANG TERNAKAN LEMBU, KAMBING BIRI-BIRI DAN KAMBING

PROGRAM

- SEMINAR PROSES PENYEDIAAN TENUSU
- PENDEDAHAN INFORMASI HAIWAN TERNAKAN
- TUNJUK AJAR CARA MENDAPATKAN SJSSJ
- INFORMASI HASIL PRODUK DARI TENUSU

6 PUSAT PENTERNAKAN DAN PEMPROSESAN DAGING

- » PUSAT PEMBELAJARAN PEMPROSESAN DAGING TERNAKAN
- LEMBU

- » LADANG LEMBU
- » KANDANG LEMBU
- » PEMPROSESAN DAGING LEMBU

PROGRAM

- SEMINAR CARA PENJAGAAN TERNAKAN
- PAMERAN DARI TERNAKAN SEHINGGA MENJADI PRODUK DAGING UNTUK DIPASARKAN
- PENDEDAHAN KEPADA SEMUA GOLONGAN KHASIAT PEMAKANAN DAGING DAN PEMPROSESANNYA



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045

Konsep Jempol Food Valley



i. Pelancongan Agro Negeri

Pembangunan Negeri Sembilan Food Valley ini akan memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi negeri bukan sahaja sebagai pembekal makanan malahan berpotensi menjadi produk pelancongan baru di Negeri Sembilan bertemakan pelancongan agro. Di Malaysia, pelancongan agro ni masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan tetapi sedang meningkat naik dan mendapat tempat di kalangan pelancong tempatan dan luar negara. Oleh yang demikian, peluang ini seharusnya dimanfaatkan oleh kerajaan negeri bagi menarik lebih ramai pelancong dengan mempelbagaikan produk pelancongan negeri dan sekaligus mengukuhkan sektor ekonomi negeri.

Syamille Agro Farm @ Resort, Kuala Kangsar merupakan salah satu lokasi pelancongan agro yang berjaya di Malaysia. Pembangunan resort ini dilihat sangat menggalakkan dan memberi perkembangan positif kepada ekonomi negeri dan setempat. Produk pelancongan yang ditawarkan di resort termasuklah lawatan ke ladang ternakan kambing, rusa, arnab dan lebah kelulut. Selain itu, ladang buah-buahan juga ditawarkan kepada pengunjung. Ini satu usaha yang baik bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk mendekati alam semula jadi.



Produk pelancongan agro di Syamille Agro Farm and Resort

ii. Pusat Penyelidikan dan Kajian Berasaskan Makanan

Penyediaan Pusat Penyelidikan dan Kajian Berasaskan Makanan ini merupakan satu usaha untuk memberi inovasi kepada pembangunan sektor pertanian dan sumber makanan negeri yang membantu dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran hasil pertanian negeri. Di Malaysia, masih belum ada pusat kajian berasaskan makanan yang komprehensif dan berskala besar dibina. Oleh yang demikian, projek ini bakal menjadi projek perintis dan ikon negeri untuk Negeri Sembilan. Pusat penyelidikan makanan di Malaysia kebanyakannya tertumpu di pusat-pusat pengajian tinggi dan masih tiada pusat kajian khas bagi menambahbaik teknologi dan pengeluaran hasil makanan iaitu dari segi pertanian dan penternakan itu sendiri.

Selain itu, pembangunan pusat penyelidikan dan kajian ini bakal membantu dalam perkembangan bidang pertanian dan perladangan. Generasi baru kurang berminat untuk menceburi dan melibatkan diri dalam bidang pertanian dan perladangan. Namun, dengan penubuhan pusat penyelidikan dan kajian berdasarkan makanan ini mampu mengubah persepsi mereka terhadap bidang ini. Peluang pekerjaan dalam bidang ini juga masih kurang kerana tiada sokongan dari pihak kerajaan maupun swasta. Pusat ini bakal membuka peluang pekerjaan yang lebih besar dengan cabang penyelidikan yang pelbagai.

China merupakan sebuah negara yang bergiat aktif dalam membangunkan penyelidikan dan kajian makanan. Pertambahan penduduk yang meningkat sepanjang hari telah menyebabkan kerajaan China berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan penternakan bagi memenuhi keperluan rakyat. Banyak pusat kajian dan penyelidikan makanan telah diperkenalkan di China termasuklah *Minhang Agriculture Park* di Shanghai dan *Shanghai Sunbridge Agriculture Park*.

Berdasarkan *United Nations Conference on Trade and Development*, China merupakan pengeksport hasil pertanian kelima terbesar di dunia pada tahun 2013 dengan nilai eksport 60.6 billion USD. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan dan kajian terhadap produk berdasarkan makanan dan pertanian bukan sahaja memberi kebaikan kepada ekonomi negeri malah, turut membantu dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.



Minhang Agriculture Park di Shanghai



Shanghai Sunbridge Agriculture Park.

6.4 INTERNATIONAL COASTAL SPORT & TOURISM


Cadangan *International Coastal Sport and Tourism* merupakan salah satu usaha dalam menambah baik sektor pelancongan di Daerah Port Dickson. Pembangunan ini melibatkan kawasan antara Port Dickson-Teluk Kemang-Tanjung Tuan-Lingga yang sememangnya terkenal sebagai lokasi peranginan dan pelancongan pantai di Malaysia. Penduduk setempat dapat meningkatkan sumber pendapatan dengan memanfaatkan pembangunan pelancongan di Port Dickson.

i. Penganjuran Sukan Antarabangsa Berasaskan Pantai

Penganjuran sukan antarabangsa berasaskan pantai merupakan satu pendekatan untuk menyokong pembangunan *International Coastal Sport and Tourism* di Port Dickson. Penganjuran ini mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara sekaligus membawa nama Negeri Sembilan ke peringkat antarabangsa seiring dengan bandar pelancongan pantai lain di serata dunia. Penyertaan peserta dari luar negara merupakan satu impian bagi memperkenalkan potensi negeri dan mempromosikan kekuatan pelancongan Negeri Sembilan. Selain itu, dengan penganjuran sukan antarabangsa ini dapat membantu dalam menyokong pembangunan sektor pelancongan negeri dengan menyediakan pakej bukan sahaja di Port Dickson tetapi juga ke sekitar kawasan pelancongan lain di Negeri Sembilan. Pakej yang menarik dan berpatutan akan menggalakkan kehadiran pelancong ke Port Dickson.

Antara sukan antarabangsa yang dicadangkan termasuklah Festival Layang-Layang Antarabangsa Negeri Sembilan, *ATV Sport, Slacklining, Bungee Jumping* dan sukan air yang berprestij seperti polo air dan ski air. Selain itu, cadangan *water taxi* bakal menjadi satu tarikan baru di Port Dickson kerana ianya mampu memberi impak yang besar. Pembinaan hotspot terminal di lokasi yang dikenalpasti bakal memberi kesan positif kepada kawasan tersebut. Antara *water taxi* yang menjadi tumpuan pelancong adalah *Melaka River Cruise* dan *Cruise Tasik Putrajaya*.

Konsep International Coastal Sport and Tourism di Port Dickson



1 ZONE A

- » **WATER TAXI PORT DICKSON**
 - PERKHIDMATAN TEKSI AIR
- » **PORT DICKSON ESPLANADE**
 - PD WALK
 - RESTORAN
 - WATER FRONT
 - FERRIS WHEEL



2 ZONE B

- » **PELANCONGAN SUKAN ANTARABANGSA**

AKTIVITI

- BOLA SEPAK PANTAI
- POLO AIR
- BANANA BOAT
- JET SKI
- FESTIVAL LATANG-LATANG
- BOLA TAMPAK
- KAYAK
- ISTANA PASIR



3 ZONE C

- » **PELANCONGAN KESIHATAN DAN PD CABLE CARS**

AKTIVITI

- C (I)
 - CABLE CAR PORT DICKSON
 - CORRIDOR VIEW
 - JET SKI CHALLENGE
 - ATV CHALLENGE
- C (II)
 - PUSAT REFLEKSLOGI
 - PUSAT RIOTERAPI
 - PUSAT PEMULIHAN KESIHATAN



4 ZONE D

- » **ECO-EDU TOURISM DAN BAKAU WALK**

KEMUDAHAN

- D (I)
 - RUMAH POKOK
 - RUMAH RAKIT
 - RUMAH BOT
- D (II)
 - BAKAU TRAIL
 - GAZEBO
 - WATER TAXI




6.5 REMBAU HALAL HUB

Idea asal pembangunan Rembau Halal Hub ini merupakan usaha kerajaan Negeri Sembilan dalam usaha menjadikan Negeri Sembilan sebagai hub makanan halal di Semenanjung Malaysia. Rembau Halal Hub ini telah pun dibina oleh pihak kerajaan negeri di kawasan Pedas, Rembau. Cadangan penambahbaikan ini melibatkan pembesaran kawasan untuk mempelbagaikan aktiviti. Salah satu komponen yang dilihat dapat mengangkat Rembau *Halal Hub* sebagai pusat halal Malaysia adalah dengan penubuhan Pusat Kajian dan Penyelidikan Makanan Halal. Usaha ini dilihat perlu disokong dengan usahasama bersama JAKIM dan SIRIM. Ini bagi memastikan kualiti setiap produk yang dihasilkan akan mencapai status halal dan kualiti yang ditetapkan. Selain itu, produk-produk makanan yang dihasilkan adalah berkualiti dan mampu dipasarkan di peringkat antarabangsa. Selain tu, Rembau *Halal Hub* ini juga bakal menjadi pusat pemasaran dan pembungkusan produk yang dihasilkan oleh pengusaha industri kecil dan sederhana.

Pada masa kini, syarikat yang telah pun mengambil tempat dalam Rembau *Halal Hub* ialah syarikat Ayam A1, MARA dan Kerabat. Namun, dengan skala penghasilan yang kecil tidak mampu untuk menarik pelabur untuk melabur di kawasan ini. Oleh yang demikian, penjenamaan semula oleh Kerajaan Negeri mampu memberi nilai tambah kepada Rembau *Halal Hub*.

Rembau *Halal Hub* ini juga akan menjadi pusat penyimpanan sejuk beku bekalan makanan seperti sumber daging, sayur-sayuran dan buah buahan sebelum diagihkan ke kawasan Lembah Klang mahupun ke seluruh negara.

Konsep Rembau Halal Hub



1

KAWASAN PERNIAGAAN

- ✓ PUSAT GASTRONOMI (DAPUR MALAYSIA)
- ✓ PUSAT PENTADBIRAN
- ✓ PUSAT JUALAN PRODUK IKS
- ✓ PUSAT JUALAN BARANGAN BORONG
- ✓ BILIK PAMERAN PRODUK IKS
- ✓ PERKHIDMATAN BANK


PROGRAM

- LAWATAN SAMBIL BELAJAR
- LATIHAN INDUSTRI
- PAMERAN BARANGAN IKS
- JUALAN TERBUKA BARANGAN IKS
- JUALAN BARANGAN BORONG
- JUALAN BARANGAN
- PASAR MAKANAN MALAYSIA
- PASA BASAH DAN KERING
- KIOSK JUALAN MAKANAN MALAYSIA(TERBUKA)



2 KEMUDAHAN SOKONGAN

- ✓ TEMPAT LETAK KENDERAAN
- ✓ KIOSK
- ✓ CAFE
- ✓ TANDAS AWAM
- ✓ SURAU



5 PUSAT SIMPANAN MAKANAN

- ✓ SIMPANAN BAHAN KAJIAN
- ✓ MAKANAN MENTAH (ZONA A)
- ✓ MAKANAN KERING (ZON B)



8 PUSAT INDUSTRI KECIL SEDERHANA (IKS)

- ✓ PEJABAT PENGURUSAN
- ✓ IKS (ZON A)
- ✓ IKS (ZON B)
- ✓ IKS (ZON C)

PROGRAM

- LAWATAN SAMBIL BELAJAR
- LATIHAN INDUSTRI
- PAMERAN BARANGAN IKS
- PAMERAN MERASA PRODUK IKS SECARA PERCUMA.
- JUALAN TERBUKA BARANGAN IKS



3 KEMUDAHAN SOKONGAN

- ✓ TEMPAT LETAK KENDERAAN (PEKERJA)
- ✓ KIOSK
- ✓ CAFE
- ✓ TANDAS AWAM

6 HALAL HUB

- ✓ PUSAT PENYELEDIKAN PEMBANGUNAN MAKANAN HALAL
- ✓ MAKMAL UTAMA 1 & 2
- ✓ PUSAT PEMPROSESAN MAKANAN
- ✓ PUSAT PEMBUNGKUSAN MAKANAN



4 PUSAT PENYEMBELUHAN

- ✓ PUSAT SEMBELIH (ZON A)
- ✓ PUSAT SEMBELIH (ZON B)



7 KEMUDAHAN SOKONGAN

- ✓ TEMPAT LETAK KENDERAAN (LORI)
- ✓ RUANG PEMUNGGAHAN BARANG
- ✓ CAFE

10 TAMAN POKET

- ✓ TAMAN PERMANAN
- ✓ KIOSK
- ✓ CAFE



9 KEMUDAHAN SOKONGAN

- ✓ PUSAT INFORMASI
- ✓ TEMPAT LETAK KENDERAAN

6.6 PEMELIHARAAN HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN

Usaha pemeliharaan hutan simpan ini dijalankan bagi melindungi kawasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan dan memastikan kestabilan ekosistem negeri. Ini termasuklah usaha untuk memastikan sumber biodiversiti negeri dapat dikekalkan dan mengelakkan kepupusan sepsis flora dan fauna terutama yang menghadapi masalah kepupusan. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan 2014, keluasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan menunjukkan pengurangan iaitu dari 167,675 hektar pada tahun 2002 kepada 155,824 hektar pada tahun 2013. Pengurangan keluasan HSK sebanyak 11,851 hektar ini disumbang oleh pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, jalan utama, rizab utiliti dan pembukaan kawasan pertanian baru. Masalah ini memberi ancaman kepada sumber bekalan semula jadi kepada Negeri Sembilan seperti bekalan air dan juga sumber kekayaan biodiversiti negeri. Selain itu, ia mampu meningkatkan risiko bencana alam yang tidak dapat diramal.

Terdapat 22 Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan dengan keluasan keseluruhan 155,824 hektar. 20 Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan merupakan jenis hutan darat dan 2 lagi adalah hutan paya laut. Hutan paya laut di Negeri Sembilan ialah Hutan Simpan Kekal Pulau Arang dan Hutan Simpan Kekal Paya Bakau. **Jadual 6.1** menunjukkan senarai Hutan Simpanan Kekal Negeri Sembilan.

Cadangan pemeliharaan ini mampu menjadikan kawasan Hutan Simpanan di Negeri Sembilan sebagai kawasan pelancongan yang berdasarkan ekologi dan boleh melonjakkan perkembangan sektor pelancongan Negeri Sembilan. Cadangan ini juga dilihat seiring dengan cadangan projek berimpak tinggi Kenaboi World Biodiversity Centre (KWBC). Kesemua cadangan ini menepati hasrat kerajaan negeri yang dalam usaha memelihara sumber biodiversiti negeri. Projek ini akan melibatkan kerjasama antara jabatan yang terlibat dalam aktiviti pemeliharaan di Malaysia. Antara jabatan yang dikenal pasti ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Perhutanan Malaysia, Zoo Negara, World Wildlife Foundation.

Jadual 6.1
Hutan Simpan Kekal Negeri Sembilan

| Bil | Hutan Simpan | Luas (hektar) | Jenis Hutan |
|------------------------|---------------|----------------|-----------------|
| 1 | Angsi | 12,435 | Hutan Darat |
| 2 | Berembun | 20,698 | Hutan Darat |
| 3 | Gallah | 4,033 | Hutan Darat |
| 4 | Gapau | 5,282 | Hutan Darat |
| 5 | Gemas Selatan | 765 | Hutan Darat |
| 6 | Johol | 4,247 | Hutan Darat |
| 7 | Kenaboi | 45,112 | Hutan Darat |
| 8 | Lenggeng | 5,417 | Hutan Darat |
| 9 | Pantai | 34 | Hutan Darat |
| 10 | Pasir Panjang | 157 | Hutan Darat |
| 11 | Pasoh | 12,693 | Hutan Darat |
| 12 | Pelangai | 6,630 | Hutan Darat |
| 13 | Petai | 62 | Hutan Darat |
| 14 | Senaling Inas | 7,261 | Hutan Darat |
| 15 | Setul | 2,547 | Hutan Darat |
| 16 | Serting | 7,371 | Hutan Darat |
| 17 | Sg. Menyala | 1,280 | Hutan Darat |
| 18 | Gunung Tampin | 5,541 | Hutan Darat |
| 19 | Tebong | 2,552 | Hutan Darat |
| 20 | Triang | 11,606 | Hutan Darat |
| 21 | Pulau Arang | 2 | Hutan Paya Laut |
| 22 | Paya Bakau | 99 | Hutan Paya Laut |
| Jumlah Keluasan | | 155,824 | |

i. Aktiviti Pelancongan Berasaskan Ekologi Berimpak Rendah

Sukan ekstrem berasaskan ekologi merupakan antara sukan yang diminati oleh golongan muda dan merupakan peluang ekonomi dan mencari inisiatif untuk menawarkan sukan ini. Sukan ekstrem juga dapat membantu dalam meminimumkan pembangunan dan pembinaan struktur bangunan dan dengan itu dapat melindungi hutan dan tidak merosakkan habitat haiwan liar.

Penggunaan sumber secara efektif dapat mengelakkan masalah bencana alam dan kepupusan biodiversiti. Penekanan untuk memanfaatkan sumber secara kreatif diperlukan dalam melindungi alam semula jadi. Sukan ekstrem yang dicadangkan termasuklah *Tree Top Walk*, *Water Rafting*, *Team Building*, *Jungle Trekking*, *Flying Fox* dan *Bungee Jumping*. Penyediaan *sport trail* yang selamat juga menjadi salah satu cadangan bagi mengelakkan masalah sesat dan pencerobohan hutan.